

31 OCT 2000

Musa-Inggeris

PROGRAM E-PEMBELAJARAN UNTUK MENAIKKAN STANDARD BAHASA INGGERIS

SUBANG, 31 Okt (Bernama) -- Kementerian Pendidikan sedang mengkaji beberapa program e-pembelajaran yang boleh digunakan untuk meningkatkan standard bahasa Inggeris di kalangan pelajar, kata Menteri Tan Sri Musa Mohamad, hari ini.

"Kita sedang mengkaji beberapa perisian yang boleh meningkatkan standard bahasa Inggeris di kalangan para penuntut kita termasuk satu daripadanya yang digunakan di China...ia sangat baik," katanya.

Beliau berkata, perisian yang digunakan di China terbukti berkesan dalam mempertingkatkan standard Bahasa Inggeris para penggunanya walaupun bahasa Inggeris tidak diajar di sekolah-sekolah negara itu.

Musa berkata, walaupun penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar di sini adalah lemah, kajian Kementerian menunjukkan mereka boleh memahami bahasa itu.

"Walaupun mereka lemah dalam pertuturan dan penulisan dalam bahasa Inggeris, mereka nampaknya memahami bahasa itu," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan satu seminar mengenai Konsep Gabungan Di Kalangan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Swasta, di sini, hari ini.

Beliau berkata, walaupun secara amnya para pelajar memahami bahasa Inggeris, mereka masih lemah dalam menterjemahkan perkataan-perkataan teknikal yang memerlukan penguasaan baik bahasa itu.

Dalam usaha memulihkan standard bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah, Kementerian juga telah meningkatkan bilangan guru-guru bahasa Inggeris dan telah memastikan guru-guru itu sendiri fasih dalam bahasa itu.

Awal minggu ini Musa dilaporkan sebagai berkata yang Kementerian mungkin memperkenalkan subjek baru yang dikenali sebagai 'Technical English' di sekolah-sekolah menengah dalam usaha memulihkan standard bahasa Inggeris di kalangan pelajar.

Mata pelajaran baru itu dijangka dapat membantu para pelajar menggunakan bahasa itu khasnya dalam sains.

Musa juga mempertahankan kaedah pengajaran Bahasa Inggeris dan sukatan pelajaran bagi bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.

"Sistem itu memadai tetapi kita perlu berusaha lebih gigih untuk memastikan para pelajar fasih dalam bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris," kata beliau lagi.

Sementara itu, Musa yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno berkata langkah mengadakan pemilihan anggota Majlis Tertinggi sekali dalam tempoh empat atau lima tahun akan membantu mengurangkan 'politiking' keterlaluan dalam parti.

"Ini cadangan yang baik kerana jika kita adakan pemilihan setiap tiga tahun seperti sekarang, mereka yang memegang jawatan dan yang beraspirasi untuk memegang jawatan akan sibuk melobi tanpa menyumbangkan apa-apa untuk memperkukuhkan parti," katanya.

Semalam, Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat Majlis Tertinggi memberitahu pemberita yang majlis itu telah memperakui cadangan supaya pemilihan Majlis Tertinggi diadakan sekali setiap empat atau lima tahun mengikut tempoh Parlimen.

Juga dipersetujui antara lain, pemilihan itu akan diadakan dalam tempoh 12 bulan selepas pilihan raya umum.

Cadangan itu akan dibentangkan semasa perhimpunan agung khas Umno yang ditetapkan pada 18 Nov ini untuk mempertimbangkan pindaan bagi perlembagaan parti.

-- BERNAMA

SR MAM PR